

**MCA Cadang Guna Konsep Sekolah Bestari Di SJKC
Bernama
Jan 12, 2015**

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- MCA bercadang memperkenalkan konsep Sekolah Bestari di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di seluruh negara, bermula dengan 20 sekolah tahun ini.

Presidennya Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata projek dikenali sebagai Sekolah Bestari 2.0 itu merupakan kesinambungan daripada konsep yang diperkenalkan pada 1998.

Di bawah konsep Sekolah Bestari 2.0, fokus akan diberi terhadap usaha meningkatkan kadar daya celik komputer dalam kalangan murid, di samping memantapkan penguasaan mereka dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, katanya kepada pemberita selepas merasmikan SJKC Wangsa Maju di sini pada Isnin.

Beliau berkata pelajar dan guru di Sekolah Bestari 2.0 akan merangka modul pembelajaran sendiri dengan memanfaatkan kemahiran masing-masing dalam penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Liow, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata kini terdapat 1,298 SJKC di seluruh negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1100088>